

MINAT PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN
MATEMATIK DAN KAITANNYA DENGAN MOTIVASI BELAJAR
MURID TAHUN LIMA DI DAERAH KLUANG, JOHOR

LIM HUI MIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Psikologi Pendidikan

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

DEDIKASI

Laporan projek ini didedikasikan khas buat ibu dan ayah tercinta, Lim Kian Lee dan Ng Siew Lian.

PENGHARGAAN

Penghargaan ikhlas dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih ingin saya rakamkan kepada penyelia kajian pendidikan saya, Profesor Madya Dr Zainudin Abu Bakar atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh kajian pendidikan ini dijalankan. Penghargaan juga diberikan kepada semua pensyarah Universiti Teknologi Malaysia terutamanya para pensyarah dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang telah mencurahkan ilmu kepada kami selama ini.

Jutaan terima kasih juga di atas kerjasama daripada pihak sekolah, guru-guru dan muid-murid sepanjang kajian pendidikan ini dijalankan. Sekalung penghargaan buat rakan-rakan saya atas perkongsian ilmu dan sokongan mental sepanjang kajian pendidikan ini dijalankan.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian pendidikan ini.

ABSTRAK

Sistem pendidikan kini yang terlalu berorientasikan peperiksaan sehingga mengabaikan proses pembelajaran murid telah mengakibatkan keseronokan murid yang sepatutnya diperoleh melalui pembelajaran semakin mengurangnya seterusnya menghilangkan dorongan dan motivasi untuk belajar. Senario ini amat membimbangkan semua pihak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap dan hubungan minat terhadap mata pelajaran Matematik dan motivasi untuk belajar Matematik murid di daerah Kluang, Johor. Sampel kajian yang terdiri daripada 188 orang murid Tahun 5 orang murid yang dipilih secara bertujuan dari tiga buah sekolah bandar dan tiga buah sekolah luar bandar. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi instrumen minat Matematik dalam kajian ini ialah 0.93 manakala nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi instrumen motivasi Matematik dalam kajian ini ialah 0.94. Data terkumpul dianalisis melalui analisis statistik deskriptif dan juga analisis statistik inferensi dengan menggunakan Statistical Packages for Social Sciences Version 20 (SPSS). Keputusan kajian menunjukkan tahap minat murid terhadap mata pelajaran Matematik adalah berada pada tahap yang tinggi ($M=3.82$, $N=188$). Dapatan kajian menunjukkan motivasi murid untuk belajar Matematik adalah pada tahap tinggi ($M=3.69$, $N=188$) di mana motivasi intrinsik ($M=3.72$, $N=188$) dan motivasi ekstrinsik ($M=3.66$, $N=188$). Tiada perbezaan yang signifikan tahap motivasi antara murid lelaki dan perempuan. Analisis korelasi Spearman menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara minat terhadap mata pelajaran Matematik dan motivasi murid untuk belajar Matematik ($r=0.814$, $p=0.00$). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa jika minat murid terhadap mata pelajaran Matematik adalah tinggi, maka motivasi untuk belajar Matematik juga akan berada dalam keadaan yang tinggi. Kajian ini turut memberi implikasi kepada pelbagai pihak terutamanya kepada murid, guru, pihak sekolah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta pihak penyelidik akan datang untuk mengetahui tahap minat dan motivasi untuk belajar Matematik di sekolah yang terkini.

ABSTRACT

The current education system which is too examination-oriented to neglect the learning process of students has resulted in the enjoyment of students that should be gained through learning is reduced and in turn eliminates the motivation and motivation to learn. This scenario is of great concern to all parties. Therefore, this study was conducted to examine the level and relationship of interest in the subject of Mathematics and motivation to learn Mathematics of students in the district of Kluang, Johor. The study sample consisted of 188 Year 5 students selected from three urban schools and three rural schools using purposive sampling. The Cronbach's Alpha reliability value for the Mathematics interest instrument in this study was 0.93 while the Cronbach's Alpha reliability value for the Mathematics motivation instrument in this study was 0.94. The collected data were analyzed through descriptive statistical analysis and also inferential statistical analysis using Statistical Packages for Social Sciences Version 20 (SPSS). The results of the study showed that the level of students' interest in the subject of Mathematics was at a high level ($M= 3.82$, $N= 188$). Findings of the study showed that students' motivation to learn Mathematics was at a high level ($M= 3.69$, $N= 188$) where intrinsic motivation ($M= 3.72$, $N= 188$) and extrinsic motivation ($M= 3.66$, $N = 188$). There was no significant difference in the level of motivation between male and female students. Spearman's correlation analysis showed that there was a strong and significant positive relationship between interest in the subject of Mathematics and students' motivation to learn Mathematics ($r= 0.814$, $p= 0.00$). Therefore, it can be concluded that if students' interest in the subject of Mathematics is high, then the motivation to learn Mathematics will also be in a high state. This study also has implications for various parties, especially to students, teachers, schools, the Ministry of Education Malaysia and future researchers to find out the level of interest and motivation to learn Mathematics in the latest schools.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Hipotesis Kajian	13
	1.7 Kepentingan Kajian	13
	1.7.1 Pelajar	14
	1.7.2 Guru	14
	1.7.3 Sekolah	15
	1.7.4 Kementerian Pelajaran Malaysia	15
	1.7.5 Penyelidik	15
	1.8 Kerangka Teori	16
	1.8.1 Teori Penentuan Kendiri	16
	1.8.2 Teori Motivasi Pencapaian	19

1.9	Kerangka Konsep	21
1.10	Skop Kajian	22
	1.10.1 Objektif	22
	1.10.2 Subjek	22
	1.10.3 Keputusan	23
	1.10.4 Tempoh masa	23
1.11	Limitasi Kajian	23
1.12	Definisi Istilah dan Operasional	24
	1.12.1 Minat	24
	1.12.2 Motivasi	25
	1.12.3 Pembelajaran	26
1.13	Kesimpulan	26
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	29
2.1	Pengenalan	29
2.2	Teori yang berkaitan	29
	2.2.1 Teori Penentuan Kendiri	29
	2.2.2 Teori Motivasi Pencapaian	32
2.3	Minat Untuk Belajar	35
2.4	Motivasi Untuk Belajar	38
2.5	Faktor Demografi dan Motivasi untuk Belajar	42
2.6	Hubungan antara minat dan motivasi	44
2.7	Kesimpulan	45
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	47
3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Lokasi Kajian	50
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	51
3.5	Instrumen Kajian	52
	3.5.1 Bahagian A: Demografi Responden	53
	3.5.2 Bahagian B: Item-item yang Mengukur Tahap Minat	53

3.5.3	Bahagian C: Item-item yang Mengukur Tahap Motivasi	54
3.5.4	Penentuan Aras	55
3.5.5	Rumusan Instrumen Soal Selidik	56
3.6	Kajian Rintis	57
3.6.1	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Bahagian B	59
3.6.2	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Bahagian C	60
3.6.3	Rumusan Kajian Rintis	61
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.8	Analisis Data	63
3.8.1	Analisis deskriptif	63
3.8.2	Analisis inferensi	65
3.8.2.1	Ujian perbandingan skor min	65
3.8.2.2	Ujian korelasi	66
3.9	Etika Penyelidikan	68
3.10	Kesimpulan	69
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	70
4.1	Pengenalan	70
4.2	Analisis Deskriptif	71
4.2.1	Maklumat Demografi Responden	72
4.2.2	Analisis Tahap Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Matematik	74
4.2.3	Analisis Tahap Motivasi Murid Untuk Belajar Matematik	77
4.2.3.1	Analisis Tahap Motivasi Intrnsik Murid Untuk Belajar Matematik	77
4.2.3.2	Analisis Tahap Motivasi Ekstrnsik Murid Untuk Belajar Matematik	81
4.2.3.3	Analisis Tahap Motivasi Murid Untuk Belajar Matematik Secara Keseluruhan	85
4.3	Analisis Inferensi	86
4.3.1	Analisis Perbezaan Motivasi Murid Untuk Belajar Matematik Berdasarkan Jantina	86

4.3.1.1	Analisis Perbezaan Motivasi Intrinsik Murid Untuk Belajar Matematik Berdasarkan Jantina	86
4.3.1.2	Analisis Perbezaan Motivasi Ekstrinsik Murid Untuk Belajar Matematik Berdasarkan Jantina	87
4.3.1.3	Analisis Perbezaan Motivasi (Keseluruhan) Murid Untuk Belajar Matematik Berdasarkan Jantina	89
4.3.2	Analisis Hubungan Antara Minat dan Motivasi untuk Belajar Matematik	90
4.3.3	Rumusan Keputusan Kajian	91
4.4	Kesimpulan	93
BAB 5 PERBINCANGAN, KEPUTUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN		95
5.1	Pengenalan	95
5.2	Perbincangan	95
5.2.1	Tahap Minat Terhadap Mata Pelajaran Matematik	95
5.2.2	Tahap Motivasi Murid Untuk Belajar Matematik	97
5.2.2.1	Tahap Motivasi Intrinsik Murid Untuk Belajar Matematik	97
5.2.2.2	Tahap Motivasi Ekstrnsik Murid Untuk Belajar Matematik	99
5.2.2.3	Tahap Motivasi Murid Untuk Belajar Matematik Secara Keseluruhan	100
5.2.3	Perbezaan Motivasi Murid Untuk Belajar Matematik Berdasarkan Jantina	101
5.2.4	Analisis Hubungan Antara Minat dan Motivasi untuk Belajar Matematik	102
5.3	Keputusan	103
5.4	Implikasi Kajian	103
5.5	Cadangan Kajian	105
5.5.1	Cadangan Untuk Guru	106
5.5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	108
5.6	Kesimpulan	109

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Pecahan Item Mengikut Bahagian Instrumen	53
Jadual 3.2	Minat terhadap Matematik Pecahan Item Positif dan Negatif	54
Jadual 3.3	Pecahan Item bagi Motivasi Untuk Belajar Matematik	55
Jadual 3.4	Skor dalam Skala Likert Lima Mata bagi Item Positif Dan Item Negatif	56
Jadual 3.5	Rumusan Pembahagian Instrumen Soal Selidik	56
Jadual 3.6	Interpretasi Nilai Alpha Cronbach (Bond & Fox, 2007)	58
Jadual 3.7	Kebolehpercayaan Item dalam Bahagian B	59
Jadual 3.8	Kebolehpercayaan Item dalam Bahagian C	60
Jadual 3.9	Perbandingan Alpha Cronbach Instrumen Bagi Kajian Rintis Dan Kajian Asal	61
Jadual 3.10	Interpretasi Tahap Minat dan Tahap Motivasi Murid dalam Pembelajaran Matematik	64
Jadual 3.11	Kekuatan Hubungan Antara Pembolehubah Berdasarkan Nilai Pekali Korelasi	67
Jadual 3.12	Rumusan Kaedah Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	68
Jadual 4.1	Pengaigihan dan Penerimaan Boraang Soal Selidik	70
Jadual 4.2	Bilangan Responden Berdasarkan Jantina	72
Jadual 4.3	Bilangan Responden Berdasarkan Tahun	72
Jadual 4.4	Bilangan Responden Berdasarkan Lokasi Sekolah	73
Jadual 4.5	Bilangan Responden Berdasarkan Pencapaian dalam Pentaksiran Matematik	73
Jadual 4.6	Taburan Kekekapan, Peratus, dan Min Bagi Tahap Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Matematik	74
Jadual 4.7	Taburan Kekekapan, Peratus dan Nilai Min bagi setiap item mengenai minat murid terhadap mata pelajaran Matematik	75
Jadual 4.8	Taburan Kekekapan, Peratus dan Min bagi Tahap Motivasi Intrinsik Murid untuk Belajar Matematik	77

Jadual 4.9	Taburan Kekekapan, Peratus Dan Nilai Min Bagi Setiap Item Mengenai Motivasi Intrinsik Murid Untuk Belajar Matematik	79
Jadual 4.10	Taburan Kekekapan, Peratus dan Min bagi Tahap Motivasi Ekstrinsik Murid untuk Belajar Matematik	81
Jadual 4.11	Taburan Kekekapan, Peratus Dan Nilai Min Bagi Setiap Item Mengenai Motivasi Ekstrinsik Murid Untuk Belajar Matematik	82
Jadual 4.12	Min Skor Bagi Jenis Motivasi Ekstrinsik	84
Jadual 4.13	Taburan Kekekapan, Peratus dan Min bagi Tahap Motivasi Murid untuk Belajar Matematik Secara Keseluruhan	85
Jadual 4.14	Analisis Ujian Man Whitney U bagi Tahap Motivasi Intrinsik Murid Berdasarkan Jantina	87
Jadual 4.15	Analisis Ujian Man Whitney U bagi Tahap Motivasi Ekstrinsik Murid Berdasarkan Jantina	88
Jadual 4.16	Analisis Ujian Mann Whitney U bagi Tahap Motivasi Murid Berdasarkan Jantina Secara Keseluruhan	89
Jadual 4.17	Hubungan antara minat dan motivasi untuk belajar Matematik berdasarkan Ujian Korelasi Spearman	90

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Taxanomi Motivasi berdasarkan Teori Penentuan Kendiri	19
Rajah 1.2	Kerangka Teori Motivasi Pencapaian McClelland	21
Rajah 1.3	Kerangka Konsep	22
Rajah 3.1	Tatacara Pelaksanaan Kajian	50
Rajah 3.2	Reka Bentuk Persampelan Kajian	51
Rajah 3.3	Pengiraan Julat Tahap Min Skor	64
Rajah 4.1	Scatted Plot bagi Hubungan Antara Minat dan Motivasi Untuk Belajar Matematik	91

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
PT3	-	Pentaksiran Tingkatan Tiga
TIMSS	-	Trends in International Mathematics and Science Study
PISA	-	Program International Student Assessment
PLC	-	Komuniti Pembelajaran Profesional
OECD	-	Organisation For Economic Co-operation and Development
PKP	-	Perintah Kawalan Pergerakan
PAK21	-	Pembelajaran Abad Ke-21

SENARAI SIMBOL

ρ	-	Nilai Signifikan
r	-	Nilai Pekali Korelasi

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik Versi Bahasa Melayu	125
Lampiran B	Borang Soal Selidik Versi Bahasa Cina	130
Lampiran C	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	135
Lampiran D	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor	136

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia berkembang seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Saban tahun, isu kemerosotan pencapaian akademik murid terutamanya murid sekolah rendah masih menjadi permasalahan dalam pendidikan Malaysia. Senario ini amat membimbangkan semua pihak. Pendidikan yang terlalu berorientasikan peperiksaan sehingga mengabaikan proses pembelajaran murid telah mengakibatkan keseronokan murid yang sepatutnya diperoleh melalui pembelajaran semakin mengurang seterusnya menghilangkan dorongan dan motivasi untuk belajar.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan pelbagai program bagi meningkatkan mutu dan pencapaian akademik pelajar dari peringkat prasekolah sehingga universiti. Salah satu usaha KPM ialah pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sepenuhnya dan pembatalan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3). Inisiatif ini bukan bermaksud tumpuan terhadap akademik pelajar diabaikan sebaliknya murid diberi peluang untuk mengecapi serta membesar sesuai dengan fasa psikologi dan fisiologi murid. Bagi memenuhi psikologi dan fisiologi murid dalam pembelajaran, minat dan motivasi perlu dipupuk dan ditingkatkan.

Minat dan usaha merupakan aspek yang dikatakan telah mempengaruhi kejayaan pembelajaran seseorang (Woolfolk, 1998). Seseorang murid tidak akan tertarik dan terdorong untuk belajar jika mata pelajaran yang dipelajari tidak selaras dengan minat murid. Dalam hal ini, masalah kekurangan minat dan motivasi untuk belajar masih menjadi agenda utama pendidikan yang belum berkesudahan sehingga ke hari ini. Pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah rendah di negara ini masih berada pada tahap yang rendah sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti

sekiranya dibandingkan dengan negara lain yang berkembang maju. Murid yang mempunyai minat yang lebih positif terhadap subjek tertentu mempunyai pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang mempunyai minat yang negative (Wan Hanim, 2017). Dengan kata lain, minat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian murid.

Selain minat, motivasi untuk belajar dalam kalangan murid memainkan peranan yang penting dalam pencapaian murid. Punca motivasi adalah secara intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dan minat yang terdapat pada diri seseorang untuk melakukan sesuatu secara sukarela tanpa disuruh atau mengambil kira ganjaran. Menurut Ryan dan Deci (2000), motivasi ekstrinsik adalah rangsangan atau dorongan untuk mendapatkan sesuatu ganjaran yang jelas seperti pujian, penghargaan, markah dan sebagainya. Perbezaan antara kedua-dua jenis motivasi ialah individu itu bertingkah laku, iaitu sama ada loci penyebab untuk bertindak adalah dalaman atau luaran (Woolfolk, 2006). Robbins dan Judge (2007) mentakrifkan motivasi sebagai proses yang menerangkan niat, arah dan ketekunan berusaha untuk mencapai sesuatu matlamat. Menurut Pitsia et al. (2017), analisis data daripada dapatan penilaian antarabangsa TIMSS dan PISA telah menunjukkan motivasi merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada tahap pencapaian Matematik murid kerana motivasi adalah salah satu faktor bukan kognitif yang mempengaruhi pencapaian akademik murid (Wan Naliza & Siti Mistima (2020).

Sesungguhnya, Matematik merupakan salah satu mata pelajaran yang sangat penting dalam sistem pendidikan kebangsaan kerana Matematik merupakan bidang ilmu yang melatih minda seseorang agar membentuk individu yang berfikir matematik dengan memahami konsep Matematik dan menyelesaikan masalah serta membuat keputusan. Oleh itu, Matematik dijadikan salah satu mata pelajaran teras bagi semua peringkat persekolahan. Namun, pencapaian mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid di negara ini masih berada pada tahap yang rendah sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti. Amat Ujali & Afferro (2017) menyatakan bahawa kemerosotan atau kegagalan pelajar berlaku disebabkan oleh sikap murid yang tidak minat terhadap Matematik dan kurang bermotivasi untuk belajar Matematik.

Murid tidak jelas dengan kepentingan matematik dalam kehidupan seharian. Impaknya, minat murid terhadap Matematik semakin terjejas. Apabila minat terhadap Matematik semakin mengurang, semangat dan motivasi untuk belajar juga semakin menurun. Tanpa memberi kesungguhan dalam pembelajaran Matematik, murid tidak dapat memahami konsep Matematik secara mendalam sehingga menjejaskan pembelajaran Matematik mereka. Perkara ini harus dititikberatkan. Kajian tentang permasalahan minat dan motivasi murid untuk belajar Matematik harus dijalankan agar langkah penyelesaian dapat diambil.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemerosotan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik merupakan salah satu permasalahan dalam pendidikan Malaysia yang sering dibincangkan dari semasa ke semasa. Berdasarkan analisis prestasi Matematik UPSR 2019, peratus murid yang lulus dalam Matematik masih kurang iaitu berada pada tempat kedua dari belakang dalam kedudukan peratus kelulusan antara mata pelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat ramai murid yang gagal belum menguasai kemahiran asas dalam Matematik berbanding dengan mata pelajaran lain. Keadaan ini amat merisaukan semua pihak kerana murid yang merupakan bakal peneraju negara.

Minat murid terhadap Matematik merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kemerosotan pencapaian Matematik (Abu & Eu, 2017). Di Malaysia, Matematik merupakan mata pelajaran yang kurang popular dan dianggap sukar antara mata pelajaran (Safura & Norziah, 2014). Masih terdapat ramai lagi murid yang tidak suka akan mata pelajaran Matematik walaupun subjek ini merupakan subjek wajib dipelajari di pelbagai bidang pendidikan. Kebanyakan konsep Matematik yang bersifat abstrak dan penuh dengan angka rumus dan formula menyebabkan murid berasa bosan dan takut terhadap Matematik (Mohd Suhaimi et al., 2017).

Disebabkan bertanggapan Matematik sebagai mata pelajaran paling sukar, murid hilang minat terhadap Matematik. Sesetengah murid berasa takut dan menghindari Matematik. Kajian oleh Baharudin et al. (2002), perspektif negatif murid

yang mengatakan Matematik merupakan satu subjek yang susah menjadi punca masalah kekurangan minat terhadap Matematik dalam kalangan murid. Menurut D' Augustine (2003), disebabkan kemunculan pandangan negatif terhadap Matematik, sesetengah murid mengalami tekanan terhadap Matematik. Apabila munculnya tanggapan negatif ini, murid tidak berasa seronok dan tidak berminat untuk menghadiri kelas Matematik seterusnya terjadinya kes murid ponteng kelas Matematik. Hal ini telah disokong oleh Nik Aziz (1992) yang berpendapat bahawa pandangan negatif ini akan menyebabkan pelajar berasa benci, takut dan gagal dalam Matematik seterusnya mengakibatkan matlamat pendidikan Matematik gagal. Murid yang mempunyai kebimbangan terhadap Matematik harus mendapat galakan dan dorongan daripada faktor sekeliling supaya bermotivasi untuk meningkatkan prestasi pelajar (Nurmaizatul Hazirah, 2017). Dapatan kajian oleh Effandi dan Norazah (2008) menunjukkan bahawa murid yang mempunyai kebimbangan Matematik yang tinggi bermotivasi rendah dan sebaliknya murid yang mempunyai kebimbangan matematik yang rendah bermotivasi tinggi untuk belajar.

Pencapaian mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid di negara ini masih berada pada tahap yang rendah sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti. Azizi dan Shahrin (2007) menyatakan bahawa kemerosotan atau kegagalan pelajar berlaku disebabkan oleh sikap murid yang tidak minat terhadap Matematik dan berasa takut terhadap Matematik. Amat Ujali & Affero Ismail (2016) mengukuhkan lagi pendapat ini bahawa terdapat banyak faktor yang mengakibatkan kemerosotan pencapaian Matematik murid sekolah rendah. Salah satu punca yang menyebabkan berlakunya kemerosotan dalam pencapaian Matematik ialah minat murid yang rendah terhadap Matematik. Dalam hal ini, dapatan kajian oleh Noor Erma, A., & Kwan Eu, L. (2014) menunjukkan minat terhadap pembelajaran matematik mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid. Menurut Nur Maizatul, et al. (2017), murid yang belajar dengan penuh minat sering berasa seronok dan mendapat dorongan untuk memberi lebih kesungguhan demi mencapai matlamat, iaitu untuk memperolehi gred A.

Sesungguhnya, pembelajaran bermula apabila individu berasa minat kemudian bertindak terhadap rangsangan yang disampaikan (Mohamad Saleh, 1999).

Berdasarkan analisis deskriptif kajian oleh Suzila, Z. (2012), murid menunjukkan minat tertinggi terhadap Matematik disebabkan keseronokan belajar Matematik. Keseronokan dapat menimbulkan rasa minat dalam sesuatu pembelajaran. Sebaik sahaja muncul rasa seronok dalam pembelajaran Matematik, minat murid dalam Matematik dapat ditingkatkan. Dengan adanya minat, murid akan memberi kesungguhan dan berusaha untuk mendapatkan pencapaian yang cemerlang dalam Matematik. Hal ini selaras dengan Quek (2006) yang menyatakan bahawa minat memberi pengaruh positif terhadap sesuatu pembelajaran. Sebaliknya, jika murid kurang berminat dalam Matematik, mereka tidak akan belajar dengan bersungguh-sungguh dan bersikap sambil lewa ketika mempelajari Matematik. Secara tidak langsung, mereka tidak dapat menguasai konsep Matematik dan menjejaskan akademik Matematik.

Selain keseronokan, pemahaman terhadap sesuatu konsep juga akan mempengaruhi minat murid untuk belajar Matematik. Kajian oleh Nor Najwa A. & Fariza, K. (2019) menunjukkan minat murid ditingkatkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang membantu murid memahmi konsep Matematik. Terdapat banyak konsep Matematik yang terlalu abstrak bagi murid sekolah rendah seperti pecahan dan peratus menyebabkan ramai murid tidak dapat menguasai kemahiran asas dalam Matematik. Apabila murid tidak memahami sesuatu konsep Matematik, mereka akan hilang minat untuk mempelajari Matematik. Mereka akan berasa bosan dan enggan untuk mempelajari Matematik kerana mereka tidak faham apa yang sedang dipelajari. Impaknya, pencapaian Matematik mereka semakin merosot. Oleh itu, minat terhadap Matematik harus dipupuk dalam diri murid supaya dapat mempermudah pemahaman konsep Matematik yang dipelajari. Sebaik sahaja munculnya minat dalam diri murid, mereka lebih mudah menerima input dari aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selaras dengan pendapat Ngah (2003) yang menyatakan bahawa minat dapat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran seterusnya mendorong murid untuk berusaha demi mendapat keputusan yang cemerlang.

Pengkaji telah mengajar Matematik di sekolah rendah selama 5 tahun. Pengkaji mendapati pencapaian murid dalam Matematik semakin merosot tahun demi tahun disebabkan penguasaan konsep dan kemahiran Matematik yang lemah. Motivasi

sentiasa berkait rapat dengan minat. Dalam perbincangan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) bersama guru Matematik lain, pengkaji juga mendapati kebanyakan guru Matematik menghadapi keadaan yang hampir sama iaitu minat dan motivasi murid untuk mempelajari Matematik semakin menurun.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat murid yang tidak dapat menumpukan perhatian ketika guru mengajar. Ada yang asyik bersembang, termenung atau asyik ke tandas. Murid-murid ini tidak suka Matematik dan mempunyai tahap penguasaan Matematik yang rendah. Apabila diminta untuk menjawab soalan guru, mereka sentiasa tidak dapat menjawab kerana tidak berminat dan tidak faham. Mereka juga tiada naluri ingin tahu atau bermotivasi untuk belajar sehingga faham. Murid menunjukkan air muka yang berminat untuk belajar dan ekspresi gembira ketika belajar Matematik. Kebanyakan murid kurang berminat dan bermotivasi dalam pembelajaran Matematik itu adalah murid yang berprestasi rendah dalam Matematik. Mereka tidak mengambil berat langsung pencapaian Matematik mereka. Analisis pemerhatian di atas menunjukkan tahap minat dan motivasi belajar dalam pembelajaran matematik sangat rendah. Motivasi untuk belajar semakin mengurang sehingga hilang minat untuk belajar Matematik. Impaknya, pencapaian murid semakin merosot apabila murid tidak dapat menguasai kemahiran asas Matematik. Murid akan menghadapi masalah dalam mempelajari kemahiran Matematik yang semakin sukar semasa melanjutkan pelajaran yang lagi mendalam.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa pengajaran yang berasaskan kaedah hafalan dan latih tubi sahaja tidak dapat memotivasi dan menarik minat murid untuk belajar. Menurut kajian oleh Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria (2018), salah satu faktor yang mempengaruhi motivasi murid adalah guru. Berdasarkan analisis kajian, murid suka akan pengajaran guru yang menyediakan dan melaksanakan pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah. Jika guru hanya mengajar murid Matematik dengan menggunakan hafalan, pengajaran akan menjadi tidak bermakna apabila murid tidak faham konsep. Motivasi untuk belajar semakin mengurang sehingga hilang minat untuk belajar Matematik. Impaknya, pencapaian murid semakin merosot apabila murid tidak dapat menguasai kemahiran asas Matematik. Murid akan menghadapi masalah

dalam mempelajari kemahiran Matematik yang semakin sukar semasa melanjutkan pelajaran yang lagi mendalam.

Ketidakhafman konsep dan pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru selalu menjadi faktor utama berlakunya penurunan minat dan motivasi murid untuk belajar. Kekeliruan untuk memahami konsep Matematik dan pengajaran guru yang membosankan akan menyebabkan kehilangan minat murid terhadap Matematik dan seterusnya menyebabkan murid hilang motivasi untuk belajar Matematik. Sebaliknya, apabila minat terhadap pembelajaran Matematik ditingkatkan, maka motivasi untuk belajar juga dapat ditingkatkan. Dengan motivasi dan minat untuk belajar yang tinggi, tahap prestasi murid dalam pembelajaran Matematik akan meningkat. Jelaslah bahawa begitunya pentingnya minat dan motivasi murid dalam pembelajaran.

Motivasi menjadi penyumbang pencapaian pembelajaran kerana motivasi adalah faktor yang sangat penting untuk mendorong murid untuk belajar. Motivasi dapat mendorong murid mempunyai aspirasi dan keinginan yang tinggi untuk belajar dan memahami sesuatu perkara. Motivasi yang rendah akan menyebabkan murid hilang keinginan untuk berusaha dan enggan melibatkan diri secara aktif dalam penerokaan dan pembelajaran. Zainuddin & Perera (2017) menyatakan bahawa murid yang mempunyai motivasi sentiasa berusaha mencari kaedah demi mencapai matlamat tanpa dipengaruhi oleh faktor sekeliling. Dalam pembelajaran, motivasi murid yang tinggi sangat penting untuk memastikan wujudnya perasaan ingin belajar terhadap subjek itu dalam diri mereka (Rohaiza Akma, 2014).

Kesediaan belajar bergantung pada motivasi yang sesuai, maka motivasi adalah penting untuk menggerakkan pembelajaran (Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria, 2019). Setiap individu boleh dimotivasi secara intrinsik atau ekstrinsik. Faktor-faktor motivasi intrinsik dan ekstrinsik dapat mempengaruhi tahap motivasi murid dalam pembelajaran Matematik. Deci Ryan (1985) menyatakan bahawa manusia bermotivasi intrinsik apabila mereka mempunyai persepsi diri mereka berkebolehan dan boleh membuat keputusan sendiri. Murid yang bermotivasi intrinsik tinggi dapat meneruskan proses pembelajaran tanpa paksaan atau ganjaran. Golongan ini biasanya bermotivasi untuk belajar demi kepuasan diri sendiri dan bukannya

mengharapkan sebarang ganjaran. Mereka akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memahami sesuatu mata pelajaran yang dipelajari secara mendalam (Lawson, Fazey & Fazey, 2006).

Murid yang bermotivasi intrinsik akan menentukan matlamat dan berusaha untuk mencapainya manakala murid yang bermotivasi ekstrinsik tidak menganggap diri mereka berkebolehan kerana tingkah laku mereka dikawal oleh orang lain. Mereka sentiasa melakukan sesuatu demi mendapat faedah dan bukannya sebab keinginan sendiri. Pelajar yang bermotivasi ekstrinsik selalu berfikir tentang pendapat guru jika kerja yang mereka lakukan tidak memuaskan (Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria, 2019). Motivasi terdiri daripada dorongan dan minat untuk melakukan sesuatu sehingga mencapai matlamat. Apabila minat murid terhadap Matematik semakin mengurang, motivasi akan menyebabkan mereka berusaha menghindari perasaan tidak suka itu. Murid akan menjadi tidak berminat dan tidak bermotivasi terhadap Matematik. Oleh itu, motivasi dapat dirangsang oleh faktor luaran. Rehan Mohd Taha (2008) merumuskan faktor intrinsik paling mempengaruhi dalam memberi motivasi berbanding dengan faktor ekstrinsik dan faktor persekitaran dalam kajian beliau. Hal ini telah disokong oleh Roghdaryanti (2019) bahawa motivasi instrinsik lebih mempengaruhi murid berbanding motivasi ekstrinsik.

Murid yang mempunyai motivasi yang kuat lebih bersemangat dan aktif dalam pembelajaran. Dengan motivasi yang semakin kurang, murid tidak memberi usaha dalam pembelajaran dan tidak suka untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Mereka biasa akan duduk termenung atau menggunakan pelbagai alasan untuk mengelakkan diri dalam pembelajaran. Menurut Azizi Yahaya (2004), terdapat ramai murid yang berprestasi rendah dalam pembelajaran mempunyai motivasi yang rendah. Mereka tidak mempunyai dorongan untuk memberi kesungguhan dalam pembelajaran Matematik. Apabila motivasi mereka semakin mengurang, mereka tidak akan mempunyai dorongan untuk belajar seterusnya menjejaskan akademik mereka. Senario ini telah disokong oleh kajian Siti Nazurana K., etc (2019) yang mendapati bahawa motivasi murid menjadi penyumbang terhadap permasalahan literasi membaca dalam kalangan murid rendah pencapaian Bahasa Melayu.

Tahap motivasi belajar mungkin berbeza mengikut faktor demografi jantina. Walaupun laporan OECD (2019) menunjukkan jurang pencapaian murid berdasarkan jantina semakin mengecil dalam PISA 2018, namun masih terdapat sesetengah kajian yang melaporkan wujudnya perbezaan yang signifikan tahap motivasi dalam pembelajaran Matematik antara jantina. Dapatan kajian Sartawi et al. (2012) menunjukkan motivasi murid perempuan adalah jauh lebih tinggi dari murid lelaki. Menurut Rohaiza (2014), terdapat perbezaan tahap motivasi intrinsik mengikut jantina manakala tidak terdapat perbezaan tahap motivasi ekstrinsik mengikut jantina. Kajian oleh Mohamed Illiyas B. (2017) pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap minat murid terhadap Matematik berdasarkan jantina.

Menurut Ratnawati Bakarudin (2007), terdapat perbezaan yang signifikan dari segi motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi dan rendah tetapi tiada korelasi antara pencapaian akademik pelajar dengan motivasi ekstrinsik. Walau bagaimanapun terdapat korelasi antara pencapaian akademik dengan motivasi intrinsik. Dalam hal ini, Ahmad Alhassora, Abu, & Abdullah (2017) menyatakan bahawa jantina bukanlah faktor yang menjadi penghalang kepada peningkatan tahap pencapaian matematik melainkan faktor murid itu sendiri yang kurang bermotivasi, kurang berminat, tanggapan negatif terhadap matematik dan juga tidak menguasai asas matematik dengan baik.

Tahap minat murid terhadap Matematik sentiasa dikaitkan dengan motivasi murid dalam pembelajaran Matematik. Menurut hasil kajian yang dijalankan oleh Muhamad Iqbal (2011), motivasi mempunyai hubungan yang positif dengan minat. Apabila mendapati minat dan motivasi murid untuk belajar adalah pada tahap yang rendah, guru harus sentiasa memberi motivasi secukupnya kepada murid bagi mendorong mereka untuk belajar. Tindakan ini dipercayai dapat memberi kesan positif terhadap pembelajaran murid dalam pembelajaran Matematik kerana motivasi merupakan faktor penggerak utama terhadap seseorang murid untuk belajar. Pemupukan minat dapat membutuhkan gerakan dan dorongan untuk mencapai matlamatnya (A. Fauziah & Samsul, 2017). Seseorang yang mempunyai minat dan

bermotivasi untuk belajar akan tertarik dalam pembelajaran dan berusaha sehingga mencapai hasil pembelajaran yang yang disasarkan.

Pengajaran dan pembelajaran yang dapat membangkitkan minat murid sehingga mereka dapat mencapai prestasi pembelajaran yang optimum seterusnya dapat meningkatkan motivasi belajar pelajar. Motivasi instrinsik, keseronokan (minat) merupakan faktor peramal yang mempengaruhi prestasi murid dalam akademik (Roghdaryanti, 2019). Justeru, satu kajian tinjauan dijalankan bagi mengukur tahap minat dan motivasi murid dalam pembelajaran Matematik, perbezaan motivasi berdasarkan jantina dan hubungan antara dua pemboleh ubah ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Minat dan motivasi belajar sering dihubungkan dengan pencapaian murid. Minat untuk belajar menjadi penyumbang tahap motivasi. Dalam proses pembelajaran, minat adalah pergerakan awal bagi pelajar dalam pembelajaran yang dapat digunakan untuk mencapai tujuan yang diinginkan.

Keseronokan dan kefahaman merupakan aspek paling minat utama dalam pembelajaran. Apabila murid berasa bosan, minat untuk belajar akan semakin menurun sehingga hilang motivasi untuk belajar. Dengan motivasi belajar yang rendah, murid hilang naluri dan minat untuk belajar sesuatu sehingga faham. Pencapaian mereka dalam Matematik tidak akan meningkat sebaik sahaja motivasi tidak ditingkatkan. Sebaliknya, jika murid memahami konsep Matematik dengan baik, keyakinan mereka bertambah, minat untuk belajar Matematik dapat ditingkatkan. Sebaik sahaja minat ditingkatkan, kesungguhan dalam pembelajaran diberi, motivasi intrinsik murid dapat ditingkatkan. Jelaslah bahawa faktor minat dapat mempengaruhi motivasi murid dalam Matematik.

Tidak dinafikan bahawa minat dan motivasi untuk belajar Matematik merupakan elemen yang menentukan keberkesanan pembelajaran Matematik walaupun mata pelajaran ini sering dianggap sukar dan membosankan. Dengan adanya

minat yang tinggi terhadap Matematik, murid berkeinginan untuk berusaha meneroka dan memahami konsep Matematik secara mendalam seterusnya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Matematik.

Sehubungan dengan itu, tahap minat dan tahap motivasi untuk belajar Matematik dalam kalangan murid sekolah daerah Kluang masih belum diketahui walaupun mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan. Maka, terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk mengenal pasti tahap minat terhadap mata pelajaran Matematik dan motivasi untuk belajar Matematik dalam kalangan murid untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para guru Matematik terutamanya di Kluang dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Matematik yang berupaya untuk meningkatkan lagi tahap minat dan motivasi dalam diri murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran Matematik serta dapat mendorong mereka untuk meningkatkan lagi prestasi mata pelajaran Matematik.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa objektif. Antara objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengkaji tahap minat murid terhadap mata pelajaran Matematik di sekolah rendah daerah Kluang.
- b) Mengkaji tahap motivasi untuk belajar Matematik murid di sekolah rendah daerah Kluang.
- c) Mengkaji tahap motivasi untuk belajar Matematik murid di sekolah rendah daerah Kluang berdasarkan jantungina.

- d) Mengkaji hubungan antara minat terhadap mata pelajaran Matematik dengan motivasi murid untuk belajar Matematik di sekolah rendah daerah Kluang.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini juga membentuk kepada beberapa persoalan yang penting. Antara persoalan kajian yang terbentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Apakah tahap minat murid terhadap mata pelajaran Matematik di sekolah rendah daerah Kluang?
- b) Apakah tahap motivasi untuk belajar Matematik murid di sekolah rendah daerah Kluang?
- c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik murid untuk belajar Matematik berdasarkan jantina?
- d) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi ekstrinsik murid untuk belajar Matematik berdasarkan jantina?
- e) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi murid untuk belajar Matematik berdasarkan jantina?
- f) Adakah terdapat hubungan antara minat terhadap mata pelajaran Matematik dengan motivasi murid untuk belajar Matematik di sekolah rendah daerah Kluang?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan, hipotesis kajian yang terbentuk dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a) H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi intrinsik murid untuk belajar Matematik berdasarkan jantina.
- b) H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi ekstrinsik murid untuk belajar Matematik berdasarkan jantina.
- c) H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi murid untuk belajar Matematik berdasarkan jantina.
- d) H₀₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan motivasi untuk belajar dalam pembelajaran Matematik di sekolah rendah daerah Kluang.

1.7 Kepentingan Kajian

Pemupukan minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Matematik akan meningkatkan tahap motivasi murid untuk belajar Matematik. Tahap motivasi yang tinggi akan membantu murid dalam meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran Matematik. Namun, tahap minat yang rendah akan menyebabkan motivasi murid untuk belajar semakin mengurang sehingga menjejaskan pelajaran mereka. justeru, kajian ini penting untuk menguji pemboleh ubah iaitu minat terhadap mata pelajaran Matematik yang dijangkakan akan mempengaruhi motivasi murid untuk belajar Matematik. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan lain kepada pihak-pihak tertentu iaitu pelajar, guru, pihak sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan penyelidik.

1.7.1 Pelajar

Kajian ini memainkan peranan penting dalam membantu murid untuk sedar dan mengesan punca berprestasi rendah dalam Matematik iaitu tahap motivasi diri dan minat untuk belajar Matematik. Murid dapat lebih memahami diri secara lanjut dan mengesan faktor kelemahan diri. Apabila kelemahan dari aspek motivasi dikesan, ahli keluarga murid turut boleh menggalak dan mendorong murid meningkatkan pencapaian Matematik melalui motivasi ekstrinsik seperti ganjaran dan pujian.

Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran yang baru dan jelas kepada murid yang bertanggung negatif bahawa mata pelajaran Matematik sangat susah. Dapatan kajian boleh dijadikan panduan kepada murid untuk mengubah sikap dan persepsi dan seterusnya lebih berminat akan mata pelajaran Matematik. Dengan penjelasan persepsi terhadap Matematik, minat mudah dipupuk seterusnya memotivasikan murid untuk belajar Matematik.

1.7.2 Guru

Para guru khususnya guru Matematik boleh merujuk dapatan kajian ini dalam persediaan dan perancangan aktiviti PdPc bagi menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Dengan pelbagai pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan murid dan menarik, tahap minat dan motivasi murid dapat ditingkatkan. Dengan ini, pengajaran dan pembelajaran Matematik yang memfokuskan perangsangan dan peningkatan minat dan motivasi murid, pencapaian Matematik juga dapat ditingkatkan. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi input dan kesedaran kepada guru untuk bertindak sebagai pemacu transformasi kurikulum dalam memartabatkan profesion pendidikan. Guru dapat memahami peranan mereka dalam hubungan antara minat dan motivasi murid dalam pembelajaran secara mendalam. Guru boleh membuat refleksi tentang strategi yang digunakan dalam PdPc berdasarkan dapatan kajian faktor intrinsik dan ekstrinsik.

1.7.3 Sekolah

Kajian ini juga penting bagi sekolah untuk mengenal pasti tahap minat dan motivasi murid dalam pembelajaran Matematik dengan jelas. Pihak sekolah boleh menggunakan hasil kajian sebagai rujukan untuk mengadakan program intervensi yang sesuai bagi meningkatkan minat dan motivasi murid dalam pembelajaran Matematik. Selain itu, dapatan kajian juga boleh digunakan oleh pihak pentadbir sekolah dalam memantau pengajaran guru Matematik di sekolah bagi menentukan kesesuaian aktiviti pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Pihak sekolah juga dapat meninjau perspektif murid terhadap pembelajaran Matematik seterusnya menjadikan hasil kajian sebagai panduan untuk mata pelajaran lain.

Lantaran itu, kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada pihak sekolah untuk meningkatkan kualiti guru dari aspek pedagogi pengajaran. Pelbagai kursus yang berkaitan dengan pedagogi dan pendekatan boleh diadakan kepada guru bagi meningkatkan minat dan motivasi murid untuk belajar.

1.7.4 Kementerian Pelajaran Malaysia

Dapatan yang diperoleh dalam kajian ini boleh digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengambil tindakan dan intervensi yang sesuai untuk merangsang minat dan motivasi murid terutamanya golongan murid yang lemah dalam pembelajaran Matematik. Data kajian juga boleh digunakan sebagai rujukan untuk merangka sukatan pelajaran atau aktiviti-aktiviti mata pelajaran Matematik khasnya Tahun 5 pada masa depan.

1.7.5 Penyelidik

Dapatan kajian boleh digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada penyelidik lain yang berminat membuat kajian lanjutan mengenai hubungan minat

dengan motivasi murid dalam Matematik di semua peringkat persekolahan. Kaedah dan instrumen untuk meninjau tahap minat dan motivasi murid juga boleh dijadikan sebagai rujukan untuk para pengkaji. Penyelidik yang ingin menjalankan kajian mengenai tahap minat dan motivasi murid dalam pembelajaran Matematik dari perspektif lain juga boleh merujuk kajian ini.

Semoga dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada semua pihak untuk memurnikan subjek Matematik ke arah pelaksanaan yang lebih cemerlang dan sempurna.

1.8 Kerangka Teori

Kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka Teori Penentuan Kendiri dan Teori Motivasi Pencapaian.

1.8.1 Teori Penentuan Kendiri

Teori Penentuan Kendiri adalah kerangka yang luas untuk memahami motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik autonomi dan kesejahteraan psikologi. Teori makro motivasi ini menganggap manusia secara semula jadi cenderung terhadap pertumbuhan dan integrasi psikologi, dan seterusnya terhadap pembelajaran dan perhubungan dengan orang lain. Menurut Ryan, Ryan, Di Domenico, & Deci (2019), Teori Penentuan Kendiri menyatakan bahawa seseorang memerlukan sokongan tiga keperluan psikologi asas iaitu autonomi, kecekapan dan hubungan demi memupuk kesejahteraan dan kesihatan.

Teori Penentuan Kendiri adalah berkaitan dengan motivasi intrinsik yang berdasarkan kepuasan berkelakuan "demi kepentingannya sendiri". Deci & Ryan (1985) berpendapat bahawa penentuan sendiri ialah keperluan untuk membuat pilihan

sendiri dalam apa sahaja perkara yang hendak dilakukan. Segala tindakan yang dibuat oleh seseorang itu sepatutnya menunjukkan keinginannya dan bukan disebabkan ganjaran atau tekanan dari luar. Kegiatan bermain, penerokaan dan rasa ingin tahu yang dihasilkan menunjukkan contoh tingkah laku yang dimotivasikan secara intrinsik, kerana kegiatan ini tidak bergantung pada insentif atau tekanan luaran, melainkan memberikan kepuasan dan kegembiraan mereka sendiri. Teori ini menjelaskan bagaimana faktor seperti ganjaran, kawalan interpersonal, dan penglibatan ego dapat mempengaruhi motivasi dan minat intrinsik. Keperluan psikologi asas iaitu sokongan kompetensi dan autonomi memainkan peranan penting dalam memupuk motivasi intrinsik.

Kompetensi boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan diri iaitu keupayaan untuk menunjukkan prestasi terbaik dalam melakukan sesuatu aktiviti (Deci & Ryan, 2006). Terdapat lima ciri-ciri kompetensi iaitu motif, traits, konsep sendiri, pengetahuan dan kemahiran. Dalam hubungan antara keperluan kompetensi dan motivasi intrinsik, tindak balas positif terhadap tingkah laku akan membawa kepada kepuasan murid dengan keperluan kompetensi seterusnya meningkatkan motivasi intrinsik. Sebaliknya, motivasi intrinsik akan dihalang kerana tindak balas negatif terhadap tingkah laku akan mengurangkan kepuasan murid terhadap kecekapan.

Menurut Deci & Ryan (2006), autonomi sangat penting dalam membina motivasi intrinsik. Keperluan autonomi memberi fokus kepada perasaan murid untuk bertindak mengikut kesedaran diri (minat dan nilai), kehendak, dan individu sebagai penyebab utama tingkah laku mereka sendiri. Motivasi intrinsik akan menurun apabila individu melakukan sesuatu disebabkan pengaruh luaran seperti ganjaran, ancaman, paksaan, penilaian, tarikh akhir dan sebagainya. Sementara itu, apabila murid diberi peluang untuk memilih atau membuat keputusan, mereka berasa sendiri mempunyai kebebasan untuk melakukan sesuatu mengikut minat mereka. Dengan demikian, motivasi intrinsik murid dapat ditingkatkan dengan peningkatan minat. Mereka menjadi lebih yakin untuk menunjukkan prestasi sendiri (Deci & Ryan, 2000).

Teori ini juga berkaitan dengan motivasi ekstrinsik dalam pelbagai bentuknya, dengan sifat, penentu, dan akibatnya. Bertentangan dengan motivasi intrinsik, motivasi

ekstrinsik adalah berkaitan dengan tingkah laku yang dilakukan dengan alasan selain daripada kepuasan mereka. Berdasarkan Rajah 1, terdapat empat jenis motivasi ekstrinsik. Jenis pertama ialah tingkah laku yang diatur secara luaran iaitu tingkah laku yang didorong oleh ganjaran dan hukuman yang dikenakan secara luaran dan merupakan bentuk motivasi yang biasanya dialami sebagai terkawal dan tidak autonomi.

Jenis kedua ialah peraturan tingkah laku introjektif. Peraturan introjected berkenaan motivasi ekstrinsik yang memiliki sebahagiannya diinternalisasi di mana tingkah laku diatur oleh penghargaan dalaman harga diri untuk berjaya dan bagi mengelakkan kegelisahan, rasa malu atau rasa bersalah atas kegagalan. Menurut Ryan (1982), dalam kegiatan akademik, peraturan introjected selalu melibatkan ego di mana harga diri bergantung pada hasil, menghasilkan peraturan yang "dikendalikan secara dalaman". Deci and Ryan (2001) menyatakan bahwa kelakuan biasanya disebabkan oleh penghargaan sendiri dan pujian ego atas pengambil bahagian atau sumbangan dalam perkara tertentu. Ini adalah jenis kelakuan dimana individu berasa dimotivasi untuk menunjuk kemampuan sendiri untuk mengekal tahap nilai sendiri.

Jenis ketiga ialah peraturan melalui pengenalpastian yang memfokuskan bentuk motivasi ekstrinsik yang lebih didorong secara autonomi. Motivasi ini melibatkan penghargaan dan penilaian tujuan atau peraturan secara sedar sehingga tindakan tersebut diterima sebagai kepentingan diri. Jenis keempat ialah peraturan bersepadu yang merupakan jenis motivasi ekstrinsik yang paling autonomi. Motivasi bersepadu berkongsi kualiti dengan motivasi intrinsik tetapi masih diklasifikasikan sebagai ekstrinsik kerana gol yang ingin dicapai adalah demi faktor luaran dan bukannya keseronokan atau minat terhadap perkara tersebut.

TEORI PENENTUAN KENDIRI				
MOTIVASI EKSRTINSIK				MOTIVASI INTRINSIK
<u>Tingkah laku yang diatur secara luaran</u> <ul style="list-style-type: none"> • didorong oleh ganjaran dan hukuman yang dikenakan secara luaran • pematuhan 	<u>Peraturan tingkah laku introjektif</u> <ul style="list-style-type: none"> • penglibatan ego dan harga diri • pengiktirafan dari diri dan orang lain 	<u>Peraturan melalui pengenalan diri</u> <ul style="list-style-type: none"> • kepentingan peribadi • menilai aktiviti secara sedar 	<u>Peraturan Bersepadu</u> <ul style="list-style-type: none"> • kongruen • paling autonomi • sintesis dan tekal dalam identifikasi 	<ul style="list-style-type: none"> • kompetensi • autonomi • keterikatan
				

Rajah 1.1 Taxanomi Motivasi berdasarkan Teori Penentuan Kendiri

Rajah 1.1 menjelaskan proses tingkah laku bermotivasi ekstrinsik dapat diubah menjadi tingkah laku yang diatur secara intrinsik. Menurut Ng et al. (2016), proses 'internalisasi' boleh berlaku sekiranya intervensi yang disasarkan diterapkan pada individu dengan profil yang berbeza. Teori penentuan sendiri memfokuskan pada minat atau motivasi intrinsik sebagai pemacu utama pembelajaran sendiri. Dalam kajian ini, tahap minat, faktor intrinsik dari segi kompetensi dan autonomi serta faktor ekstrinsik yang mempengaruhi tahap motivasi murid dalam pembelajaran Matematik telah dikaji. Apabila kompetensi dan autonomi diberikan kepada murid, minat murid terhadap Matematik dapat ditingkatkan. Mereka berasa terdorong dan bermotivasi untuk tekun belajar demi mendapat pencapaian Matematik yang cemerlang. Dalam kajian ini, faktor motivasi ekstrinsik memfokuskan motivasi ekstrinsik jenis peraturan tingkah laku secara luaran, peraturan introjektif dan peraturan melalui pengenalan diri.


1.8.2 Teori Motivasi Pencapaian

Menurut McClelland (1961), motivasi pencapaian merupakan dorongan dalaman yang ditimbulkan dalam setiap individu sejak kecil lagi demi mencapai kejayaan. Motivasi pencapaian mempunyai hubungan yang rapat dengan motivasi intrinstik (McClelland, 1965). Dengan adanya motivasi, seseorang akan terdorong untuk berusaha demi mencapai sesuatu matlamat. Setiap tingkah laku mempunyai

motif (McClelland, 1975). Motif sebenarnya timbul kerana keperluan. Kewujudan keperluan ini menimbulkan motif, iaitu kekuatan dalaman yang mendorong dan mengarahkan tingkah laku individu untuk memenuhi keperluan ini.

McClelland telah menyenaraikan tiga jenis keperluan iaitu keperluan untuk pencapaian, keperluan untuk kuasa dan keperluan untuk hubungan keson yang didorong oleh pengalaman dan budaya dalam kehidupan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memberi fokus kepada keperluan untuk pencapaian (nAch) kerana keperluan ini merupakan dorongan dalam diri murid untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, dorongan hasil daripada keperluan untuk pencapaian ini akan membantu individu untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan dalam pembelajaran Matematik. Oleh itu, motivasi pencapaian boleh dirujuk sebagai satu tingkah laku untuk dirangsang demi mencapai kecemerlangan. Pendapat McClelland (1961) ini selaras dengan Atkinson (1965), yang menyatakan motivasi pencapaian melibatkan tenaga dalaman yang dapat menggerakkan tindakan seseorang ke arah kejayaan.

McClelland (1978) dalam Abdul Rahman (1997) menegaskan bahawa seseorang yang bermotivasi pencapaian tinggi mempunyai prestasi yang tinggi. Golongan ini mempunyai keinginan untuk menempuh halangan dan sanggup bertungkus lumus berusaha untuk melakukan sesuatu tugas dengan baik. Murid yang mempunyai tahap keperluan pencapaian yang tinggi sentiasa membuat pilihan positif dan bersemangat ketika belajar kerana mereka percaya tindakan ini bermakna kepada diri sendiri seterusnya dapat memuaskan keperluan mereka. Mereka juga selalu menetapkan matlamat yang mencabar dan melakukan sesuatu dengan lebih bertanggungjawab. Justeru, disebabkan kewujudan motivasi pencapaian, seseorang akan mempunyai harapan untuk kejayaan dan ketakutan untuk kegagalan dalam diri mereka. Rajah 1.2 merupakan teori kerangka bagi Teori Motivasi Pencapaian McClelland.




Rajah 1.2 Kerangka Teori Motivasi Pencapaian McClelland

1.9 Kerangka Konsep

Kerangka konsep dapat menunjukkan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar dengan jelas. Kerangka konsep ini memfokuskan kepada konsep dari segi minat murid dalam pembelajaran Matematik yang memberi kesan kepada motivasi murid dalam pembelajaran Matematik. Pengkaji telah mengkaji faktor demografi seperti jantina yang dijangka mempengaruhi motivasi untuk belajar dalam Matematik.

Berdasarkan Rajah 1.3, minat murid dalam pembelajaran Matematik merupakan pemboleh ubah bebas dalam kajian ini manakala motivasi belajar adalah pemboleh ubah bersandar. Minat murid dalam pembelajaran Matematik yang merujuk kepada kecenderungan dan kesediaan untuk belajar dalam pembelajaran Matematik bertindak sebagai pemboleh ubah bebas kerana ia merupakan faktor yang mungkin menjadi penggerak terhadap murid seterusnya mempengaruhi tahap motivasi murid dalam pembelajaran Matematik. Faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi tahap motivasi juga dikenal pasti.



Rajah 1.3 Kerangka Konsep

1.10 Skop Kajian

Kajian ini merangkumi 4 skop kajian termasuk objektif, subjek, keputusan dan tempoh masa.

1.10.1 Objektif

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan. Soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan data. Terdapat dua jenis pemboleh ubah tidak bersandar (IV) iaitu tahap minat terhadap mata pelajaran Matematik. Pemboleh ubah bersandar (DV) dalam kajian ini ialah tahap motivasi murid untuk belajar Matematik. Kajian ini juga mengkaji pengaruh faktor demografi murid iaitu jantina terhadap motivasi murid untuk belajar Matematik.

1.10.2 Subjek

Kajian ini dijalankan di 6 buah sekolah rendah di Daerah Kluang, Johor. 3 buah sekolah dari bandar dan 3 buah sekolah dari luar bandar dipilih. Instrumen kajian diedarkan kepada sekolah yang terpilih sahaja bagi menguji tahap minat dan motivasi

murid untuk belajar Matematik. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu semua murid Tahun 5 dari sekolah yang terpilih.

1.10.3 Keputusan

Aplikasi Statistical Packages for Sosial (SPSS) versi 20.0 dan Microsoft Excel digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data yang dikumpulkan.

1.10.4 Tempoh masa

Untuk mengumpul data dari sekolah yang terpilih, kajian ini mngambil masa lebih kurang 2 hingga 3 minggu. Tempoh yang digunakan untuk menganalisis data adalah antara 3 hingga 4 minggu. Kajian kuantitatif yang melibatkan analisis deskriptif dan inferensi ini dijangkakan tidak menggunakan masa yang lebih pendek berbanding dengan kajian kualitatif.

1.11 Limitasi Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah menghadapi masalah capaian borang soal selidik kepada murid di sekolah rendah. Disebabkan penutupan sekolah akibat pandemik COVID-19, pengkaji menghadapi kesulitan dalam proses pengumpulan data. Pengkaji perlu mempertimbangkan alternatif bagi capaian borang soal selidik kepada murid bagi mengumpul data daripada murid. Untuk menyelesaikan batasan ini, pengkaji telah menggunakan soal selidik dalam talian melalui Google Form. Kelemahan borang soal selidik dalam talian ini adalah bilangan soal selidik yang diterima adalah kurang daripada bilangan soal selidik yang diagihkan kerana bukan semua sampel kajian yang terlibat mempunyai gadget elektronik untuk menjawab soal selidik dalam talian.

Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan di seluruh negara, saiz sampel hanya melibatkan 6 buah sekolah rendah di daerah Kluang. Responden tertumpu pada murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Hasil kajian ini adalah terhad daripada murid yang menjawab soal selidik sahaja dan kurang sesuai digeneralisasikan untuk murid di seluruh daerah kerana tidak menggambarkan keseluruhan daerah Kluang.

Tambahan pula, jarang terdapat kajian yang mengkaji kaitan antara minat dan motivasi murid untuk belajar. Pengkaji menghadapi batasan ketika merujuk kajian-kajian lepas. Oleh itu, pengkaji telah merujuk pelbagai sumber dan memberi fokus kepada minat dan motivasi murid dalam pembelajaran secara berasingan sebagai panduan pelaksanaan kajian ini.

1.12 Definisi Istilah dan Operasional

Dalam kajian yang dijalankan ini, beberapa definisi istilah dan konteks yang digunakan dalam kajian ini telah dihuraikan supaya dinyatakan secara khusus.

1.12.1 Minat

Minat bermaksud keinginan, kesukaan atau kecenderungan terhadap sesuatu. Seseorang itu akan mmemberi perhatian atau cenderung kepada sesuatu yang mereka gemar. Minat merupakan salah satu dimensi sikap di mana sikap boleh dilihat melalui tingkah laku seseorang (Liong Khon Tai, 1997). Horrmby (2000) pula berpendapat bahawa minat adalah kecenderungan memberikan tumpuan dan menimbulkan rasa ingin tahu. Syaza, Sharini & Asmawati (2014) mengemukakan bahawa minat dapat mendorong murid untuk berusaha sedaya upaya kerana minat boleh menjadi daya penggerak dan berpengaruh besar kepada individu terhadap sesuatu mata pelajaran.

Dalam konteks kajian ini, minat merujuk kepada minat dalam pembelajaran Matematik iaitu kecenderungan dan kesediaan untuk memberi perhatian dalam pembelajaran Matematik PAK21. Murid yang berminat dalam bidang Matematik akan menaruh perhatian pembelajaran Matematik.

1.12.2 Motivasi

Menurut Faizal Mohamad T. T. (2019), perkataan motivasi berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu motivation dan merupakan gabungan bagi motif (matlamat) dan usaha (tindakan). Menurut beliau, motivasi merujuk kepada sebab yang mendorong individu untuk melakukan sesuatu tindakan demi mencapai sesuatu motif. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan atau semangat yang kuat pada diri individu untuk mendorongnya supaya memberi kesungguhan dalam melakukan sesuatu dengan penuh minat demi mencapai kejayaan. Robbins dan Judge (2007) memberi pengertian motivasi sebagai proses yang menjelaskan niat, arah dan ketekunan usaha untuk mencapai suatu tujuan. Dengan kata lain, motivasi boleh didefinisikan sebagai satu penggerak diri dalam hati atau dari luaran seseorang untuk melakukan sesuatu perkara tanpa dipaksa demi mencapai matlamat tertentu dengan berjaya.

Dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada motivasi untuk belajar Matematik iaitu keinginan atau satu penggerak yang mampu memberi momentum dan dorongan secara dalam diri hati murid atau dari luaran murid untuk mempelajari konsep dan kemahiran asas Matematik dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya menguasai kemahiran tersebut. Punca motivasi adalah secara intrinsik dan ekstrinsik.

a) Faktor intrinsik

Motivasi intrinsik ialah dorongan dalaman seseorang dan minat untuk melakukan sesuatu tanpa dipengaruhi oleh faktor luaran. Individu yang bermotivasi

intrinsik akan melakukan sesuatu yang timbul sepenuhnya dalam hati mereka secara sukarela demi keseronokan kepuasan dalaman walaupun tiada pengiktirafan.

b) Faktor ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik ialah motivasi yang direkacipta oleh faktor luaran seperti peneguhan dan dendaan. Punca motivasi ekstrinsik daripada persekitaran (Woolfolk, 2006). Menurut Lynch (2006), contoh motivasi ekstrinsik termasuklah ganjaran, pengiktirafan, persaingan dengan rakan, pengiktirafan, penilaian daripada pihak luar atau bagi mengelakkan hukuman. Dalam kajian ini, motivasi ekstrinsik merujuk kepada ganjaran, pengiktirafan, pendekatan pengajaran guru dan pencapaian akademik.

1.12.3 Pembelajaran

Menurut Karnus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), pembelajaran bermaksud proses (kegiatan) belajar iaitu proses atau kegiatan memperoleh ilmu pengetahuan. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran merujuk kepada proses menimba ilmu pengetahuan yang semasa belajar Matematik. Pencapaian murid adalah berdasarkan hasil pembelajaran murid dalam Matematik.

1.13 Kesimpulan

Bab 1 merangkumi pengenalan kepada kajian, latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konsep dan kerangka teori yang dibentuk bagi kajian ini. Latar belakang dan permasalahan yang wujud dalam senario minat dan motivasi belajar murid dalam pendidikan di Malaysia telah dibincangkan. Bahagian ini menjadi teras kepada pelaksanaan kajian yang bukan sahaja melihat tahap minat dan motivasi murid dalam pembelajarn dan persekitaran pembelajaran, tetapi turut

melihat hubungan diantara kedua-dua perkara ini. Tujuan dan kepentingan kajian ini juga dijelaskan dalam bab ini. Sorotan kajian lepas akan dijelaskan dalam Bab 2.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, A. (1997). *Motivasi dan Pembangunan Diri*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu, N. E. B., & Eu, L. K. (2017). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Adedeji Tella. (2007). The Impact of Motivation on Student's Academic Achievement and Learning Outcomes in Mathematics among Secondary School Students in Nigeria *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 3(2), 149–156.
- Aimi Najlaa. (2017). Kualiti Aktiviti Di Prasekolah Kpm Dari Perspektif Guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 18, 71–82.
- Ainun Rahmah, I., Zamri, M., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7(2), 77–88.
- Alhaadi Ismail, & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3), 2019: 23 - 30, 7(3), 23–30. <https://doi.org/10.17576/jatma-2019-0703-03>
- Amat Ujali, L., & Afferro, I. (2017). Minat Pelajar dalam Subjek Matematik Sekolah Rendah Daerah Pontian. *Seminar Pendidikan Johor 2016*.
- Aminuddin Ressang (2001). *Ke Mana Haluan Saya Sekarang*. Unit Pengajaran dan Pembelajaran, Pejabat Kaunselor, Universiti Teknologi Malaysia.
- Amni Fauziah, Rosnaningsih, A., & Azhar, S. (2017). Hubungan Antara Motivasi Belajar Dengan Minat Belajar Siswa Kelas IV Sdn Poris Gaga 05 Kota Tangerang. *Jurnal Pendidikan Sekolah Dasar*, 4(1). <https://doi.org/10.26555/jpsd.v4i1.a9594>

- Asep Munawar & Nono Supriatna. (2018). Pengaruh Sikap Dan Motivasi Terhadap Minat Berwirausaha Siswa. *Jurnal Kajian Pendidikan Ekonomi Dan Ilmu Ekonomi*, 2(1), 14–23.
- Asmat Syafiqah, & Siti Mistima. (2018). Meneroka Minat Dan Kefahaman Murid Sekolah Rendah Terhadap Matematik Menggunakan Modul Pembelajaran Interaktif KBAT. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Atkinson, J. W. (1965). *An introduction to motivation*. Van Nostrand.
- Ayuni M. B. & Rohaidah K. (2016). Faktor Ekstralinguistik: Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Asing di 5 Universiti di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 4(2), 2016: 83 – 92.
- Azizi Yahaya. (2004). Enhancing intrinsic motivation and parenting to help underachieving students to perform well in school. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1–10.
- Azizi Hj. Yahaya. (2007). Bab 6: Sumbangan sikap terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik. In H. Shahrin (Ed.), *In: Sains Sosial* (pp. 1–7). Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Jamaluddin, R., & Yusof Boon. (2010). Sumbangan sikap terhadap pencapaian pelajar mata pelajaran matematik: Sejauhmanakah hubungan ini relevan?
- Baharudin O., Kamarulzaman K. & Nordin M. (2002). Faktor Kecemerlangan dan Kemunduran Pelajar di Sekolah Menengah dalam Matematik: Satu Tinjauan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Benton, L., Saunders, P., Kalas, I., Hoyles, C., & Noss, R. (2018). Designing for learning mathematics through programming: A case study of pupils engaging with place value. *International Journal of Child-Computer Interaction*
- Cheah, W. H., & Ruslin, A. (2020). Penghargaan Kendiri Dan Motivasi Pencapaian Terhadap Pencapaian Bahasa Inggeris Murid. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 216–234.
- Cheon, S. H., & Reeve, J. (2014). A classroom-based intervention to help teachers decrease students' amotivation. *Contemporary Educational Psychology*, 40, 99–111.

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Mc Graw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1 (Edisi Kedua)*. Mc Graw Hill Education.
- Cooper, D. R., & Schindler, P. S. (2011). *Business Research Methods* (11th ed.). MC GRAW HILL INDIA.
- Cindy A. P. (2016). Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: choosing among five approaches* (3rd ed.). SAGE Publication Inc.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson Education Limited.
- D' Augustine, C. H. (2003). *Multiple Method of Teaching Mathematics in the secondary school*.
- Deci, E & Ryan, R. (1985). *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. Plenum Press.
- Deci, E. L., Vallerand, R. J., Pelletier, L. G., & Ryan, R. M. (1991). *Motivation and Education : The Self-Determination Perspective*, 26, 325–346.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11, 227-268.
- Deci, E. L., Vansteenkiste, M. (2004). Self-determination theory and basic need satisfaction: Understanding human development in positive psychology". *Ricerche di Psicologia*, 27, 17–34.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2016). Optimizing Students ' Motivation in the Era of Testing and Pressure : A Self-Determination Theory Perspective, 9–29. <https://doi.org/10.1007/978-981-287-630-0>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Djaali dan Pudji Marjono. (2004). *Pengukuran dalam Bidang Pendidikan*. Grasindo.
- Dornyei, Z. (2001). *Motivational Strategies in the Language Classroom*. Cambridge University Press.

- Effandi, Z., & Norazah, M. N. (2008). The effects of mathematics anxiety on matriculation students as related to motivation and achievement. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 4(1), 27–30.
- Evonne Lai, E. F., & Crispina Gregory, K. H. (2017). Hubungan Kepimpinan Pengetua Dengan Motivasi Guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(5), 1–15.
- Faizal Mohamad, T.T. (2019). *Motivasi Pencetus Kejayaan Akademik Pelajar*. Politeknik Seberang Perai.
- Froiland, J. M., & Worrell, F. C. (2016). Intrinsic motivation, learning goals, engagement, and achievement in a diverse high school. *Psychology in the Schools*, 53(3), 321–336. <https://doi.org/10.1002/pits.21901>
- Goss-Sampson, M. A. (2019). *Statistical Analysis in JASP 0.10.2: A Guide for Students*.(2nd ed.). University of Greenwich.
- Halim, F., & Sin Chieng, L. (2016). Hubungan antara Determinasi Kendiri, Personaliti Big Five dengan Motivasi Pencapaian dan Pencapaian Akademik. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2), 114–126.
- Hassan, Johari and Ab Aziz, Norsuriani (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi minat terhadap matematik di kalangan pelajar sekolah menengah. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-7.
- Hasan, A., Yasin, S. N. T. M., & Yunus, M. F. M. (2015). A Conceptual Framework for Mechatronics Curriculum Using Stufflebeam CIPP Evaluation Model. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 195, 844–849. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.06.324>
- Hardr, P., Sullivan, D., & Crowson, H. (2009). Student characteristics and motivation in rural high schools. *Journal of Research in Rural Education*, 24(16), 1-19.
- Harackiewicz, J. M., Smith, J. L., & Priniski, S. J. (2016). Interest Matters. *Policy Insights from the Behavioral and Brain Sciences*, 3(2), 220–227. doi:10.1177/2372732216655542
- Hashim, A. (2000). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Jurusan Kejuruteaan Awam Di Kalangan Pelajar UTM. Universiti Teknologi Malaysia.
- Henny Christine, M. (2014). Hubungan Antara Determinasi Diri Dan Kemampuan Pengambilan Keputusan Karir Siswa Sma. *Jurnal Psiko-Edukasi*, 12, 90–100.

- Hornby, S., & Atkins, J. (2000). *Collaborative Care: Interprofessional, Interagency and Interpersonal* (2nd ed.). Blackwell Science Ltd
- House, R. J. (1971). A Path-Goal Theory of Leader Effectiveness. *Administration Science Quarterly*, 16, 321-339.
- Hsu, J. T.-S. 1997. Value, expectancy, metacognition, resource management, and academic achievement: A structural model of self-regulated learning in a distance education context. Unpublished Ph.D., University of Southern California.
- Janet, H. A. P., & Hyde, S. (2016). Implicit Theories, Expectancies, and Values Predict Mathematics Motivation and Behavior across High School and College. *Journal of Youth and Adolescence*, 0–1. <https://doi.org/10.1007/s10964-016-0579-y>
- Jang, B. G., Conradi, K., Mckenna, M. C. & Jones, J. S. (2015). Motivation. *The Reading Teacher* 69(2): 239-247.
- Johari, H., & Norsuriani, A. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Terhadap Matematik Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1–7.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Buku Laporan TIMMS 2019*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *PENCAPAIAN MALAYSIA DALAM PISA 2018*.
<https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/pencapaian-malaysia-dalam-pisa-2018>
- Lawson, R. J., Fazey, D., & Fazey, J. A. (2006). Constructively Aligned Teaching Methods and their Impact on Students' Approaches to Learning and Motivational Orientations. *Global Journal Of Human Social Science*, 11(8).
- Lee, S. M. (1991). *Asas Pendidikan Psikologikal Dalam Bilik Darjah*. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Lee, J., & Stankov, L. (2018). Non-cognitive predictors of academic achievement: Evidence from TIMSS and PISA. *Learning and Individual Differences*, 65, 50–64. <https://doi.org/10.1016/j.lindif.2018.05.009>

- León, J., Núñez, J. L., & Liew, J. (2017). Self-Determination and STEM Education: Effects of Autonomy, Motivation, and Self-Regulated Learning on High School Math Achievement. *Learning and Individual Differences, 43*, 156-163. <https://doi.org/10.1016/j.lindif.2015.08.017>
- Lesseig, K., Casey, S., Monson, D., Krupa, E. E., & Huey, M. (2016). Developing an interview module to support secondary noticing of student thinking. *Mathematics Teacher Educator, 5*(1), 29-46.
- Levi, N., & I. Dwinanto, B. (2015). Pengaruh Motivasi Pada Kinerja Belajar. *International Research Journal of Business Studies, 3*(3), 287–303.
- Lynch, D. J. 2006. Motivational factors, learning strategies and resource management as predictors of course grades. *College Student Journal 40*(2), 423-428.
- Majid, M.K. (1990). *Kaedah Penyelidik Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manganelli, S., Cavicchiolo, E., Mallia, L., Biasi, V., Lucidi, F., & Alivernini, F. (2019). The interplay between self-determined motivation, self-regulated cognitive strategies, and prior achievement in academic performance. *Educational Psychology, 39*, 470–488.
- Maylita H., Tomi L. (2014). Penerapan Aplikasi IBM Spss Untuk Analisis Data Bagi Pengajar Pondok Hidayatul Mubtadi'in Ngunut Tulungagung Demi Meningkatkan Kualitas Pembelajaran Dan Kreativitas Karya Ilmiah Guru. *Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat, 2*, 28–35.
- McClelland, D. C. (1965). N achievement and entrepreneurship: A longitudinal study. *Journal of Personality and Social Psychology, 1*(4), 389-392.
- McClelland, D. C. (1978). Managing Motivation to Expand Human Freedom. *American Psychologist, 33*(3), 201–210. <https://doi.org/10.1037/0003-066x.33.3.201>
- McClelland, D. C., Atkinson, J. W., & Clark, R. A. (4). R., & Lowell, E. (1975). The achievement motive. *Power: The inner experience*. Irvington Publishers.
- Mohamad Saleh bin Lebar. (1999). *Memahami Psikologi*. Percetakan Putra Jaya.
- Mohamed Illiyas B. (2017). Interest in Mathematics and Academic Achievement of High School Students in Chennai District. *International Journal of Innovative Science and Research Technology, 2*(8), 261–265. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.19850.98240>

- Mohammad Azman, B. J., Ramlah, D. M., & Roslee, T. (2018). Sikap Guru Prasekolah Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Inklusif. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 171–182.
- Mohamad Ranga, W. (2007). Pengaruh Motivasi Diri Terhadap Kinerja Belajar Mahasiswa. *Jurnal Abmas*, 1–8.
- Mohd Faizal, M. (2012). Faktor Yang Berkaitan Dengan Pencapaian Matematik Pelajar Melayu Sekolah Menengah Agama Daerah Pontian. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fuad, O., & Noor Laila, A. (2018, June). *Kajian Terhadap Minat Pelajar Semester 1 JKE Politeknik Kota Kinabalu Sesi Jun 2018 Terhadap Kursus Matematik*. 1st International Multidisciplinary Academic Conference 2018 (IMAC'18), Kota Kinabalu, Sabah.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2010). *Bimbingan Cepat Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan & Sains Sosial (1st ed.)*. Bandar Ilmu.
- Mohd Zaki, A., & Muhammad Firdaus, A. M. (2017). Penggunaan Motivasi Intrinsik Dan Motivasi Ekstrinsik Untuk Belajar Bahasa Arab. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017)*, 655–666.
- Munfarida, Yulva I. (2017). Hubungan determinasi diri dengan pengambilan keputusan karir pada siswa SMAN 1 Tumpang Kabupaten Malang. Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Muyan Alu dan Ramli Basri (2017). Hubungan Gaya Kepimpinan Guru Besar Dan Motivasi Guru Sekolah Rendah Di Daerah Bau, Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Jilid 18*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Nasir, Z. M., & Hamzah, Z. A. Z. (2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408–415. <https://doi:10.1016/j.sbspro.2014.04.263>.
- Nadzalinda Kamsur. (2015). Tahap penguasaan, sikap dan minat pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nik Aziz N. Pa (1992). Agenda Tindakan: “Penghayatan Matematik KBSR dan KBSM”. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ngah bin Jusoh, (2003). Sikap, Minat, Pengaruh Rakan Sebaya dan Pengajaran Guru Terhadap Pelajar-pelajar Mata Pelajaran Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam di Sekolah Menengah Teknik Negeri Terengganu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ng, B., Wang, C.K.J., Liu, W.C. (2016). Student motivation and learning in mathematics and science: A cluster analysis. *Int. J. Sci. Math. Educ.* 14 (7), 1359–1376.
- Noor Erma, A., & Kwan Eu, L. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1–10.
- Noor H. M. N. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran: Penelitian semula Konsep-Konsep Asas menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. International Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM.
- Nor Najwa Arifah, S., & Fariza, K. (2019). Keberkesanan Teknik Augmented Reality (AR) Dalam Meningkatkan Kefahaman Konsep Asas Matematik. *Persidangan Kebangsaan Amalan Terbaik Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) & Inovasi*, 1039–1049.
- Nurmaizatul Hazirah, M. (2017). Hubungan Antara Kebimbangan Matematik Dengan Motivasi Dan Prestasi Pelajar Pada Subjek Matematik. *National Pre University Seminar 2017*, 62–70.
- Nur Maizatul, A. M., Faizal, H., Marina Mokhtar, Nor Aimi, A. W., Noorezal Atfyinna, M. N., & Suhaiza, H. (2017). Faktor Yang Mempengaruhi

- Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Fizik: Satu Sudut Pandangan. *International Academic Research Journal of Social Science*, 3(1), 195–201.
- Nur Syazwani, A. T., Kamarulzaman, A. G., & Nur Azuki, Y. (2016). Tahap Pengetahuan Dan Sikap Graduan Ipt Serta Hubungannya Dengan Minat Terhadap Sejarah: Usaha Awal Memupuk Semangat Cinta Negara. *Jurnal Pemikir Pendidikan 2016*, 57–72.
- Nurul Ain H., & Azizi Yahaya. (2012). Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademi. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 30–57.
- OECD. (2019). PISA 2018 Results Where All Students Can Succeed, 2. <https://doi.org/https://doi.org/10.1787/b5fd1b8f-en>
- Onyekwere Nonye, A., & Okoro Pauline, E. (2018). Influence of Extrinsic and Intrinsic Motivation on Pupils Academic Performance in Mathematics. *Supremum Journal of Mathematics Education*, 2(2), 52–59. <https://doi.org/10.5281/zenodo.1405857>
- Oon, P., & Subramaniam, R. (2010). On the Declining Interest in Physics among Students—From the perspective of teachers. *International Journal of Science Education*, 33(5), 727–746. <https://doi:10.1080/09500693.2010.500338>
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis, Penyelidikan dan Statistik*. Universiti Putra Malaysia
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. (3rd ed.). Allen & Unwin.
- Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. (1996). *Motivation in Education: Theory, Research And Applications*. Prentice-Hall Inc.
- Pisal, N. A., & Mat Teh, K. S. (2018). Tahap Kepercayaan Pelajar Sekolah Menengah terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Issues in Language Studies*, 7(1), 57–75. <https://doi.org/10.33736/ils.1617.2018>
- Prahmadita, A.D. (2014). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Minat Siswa Untuk Mengikuti Ekstrakurikuler Drumband di SMP Negeri 1 Sleman. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Quek, M.L. (2006). Pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan 4 di daerah Batu Pahat. Universiti Teknologi Malaysia.

- Rahmad Sukor S. & Gooi. A. W. (2005). Hubungan Antara Iklim Sekolah dengan Kepuasan Kerja Guru Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan. *Jurnal Pendidikan*, 25, 163- 178.
- Rashid Moten, A. (1998). *A Guide to Research Proposal And Report Writing*. Research Centre International Islamic University.
- Ratnawati Bakarudin (2007). Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik: satu Kajian Tentang Perstasi Mata Pelajaran Hahasa Inggeris, sains Dan Matematik Dikalangan Pelajar Tingkatan Dua Di Sebuah Sekolah Menengah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rehan Mohd Taha (2008). Tinjauan Terhadap Faktor-faktor Yang Memberi Motivasi kepada Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Mata pelajaran Kemahiran Hidup Di Enam Buah Sekolah menengah Kebngsaan Daerah Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ridho, M. (2020). Teori Motivasi Mcclelland Dan Implikasinya Dalam Pembelajaran Pai. *Jurnal Studi Keislaman Dan Ilmu Pendidikan*, 8(1), 1–16. <https://doi.org/10.36088/palapa.v8i1.673>.
- Robbins, S.P dan Judge, T.A. (2007). *Organizational Behaviour*. Pearson Education.
- Roghdaryanti, H. (2019). Hubungan Antara Motivasi dan Penerimaan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Pembelajaran Menggunakan M-Pembelajaran di Kolej Vokasional. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(2), 89–94. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0202.37>
- Rohaiza Akma, Z. (2014). Hubungan Motivasi Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ryan, R. M. (1982). Control and information in the intrapersonal sphere: An extension of cognitive evaluation theory. *Journal of Personality and Social Psychology*, 43, 450–461.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000a). SelfDetermination Theory and the Facilitation of Intrinsic Motivation, Social Development, and Well-Being. *American Psychologist* 55, 68-78.

- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000b). Intrinsic and Extrinsic Motivations: Classic Definitions and New Directions. *Contemporary Educational Psychology* 25, 54-67.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2020). Intrinsic and extrinsic motivation from a self-determination theory perspective: Definitions, theory, practices, and future directions. *Contemporary Educational Psychology*. <https://doi.org/10.1016/j.cedpsych.2020.101860>
- Saddle River, NJ. Robbin, S., & Judge, T.A (2010). *Organizational Behavior (13rd ed.)*. Pearson.
- Saemah Rahman dan John Arul Phillips (2006) Hubungan antara Kesedaran Metakognisi, Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Universiti. *Jurnal Pendidikan* 31, 21-39.
- Sauer, K. (2012). The Impact of Student Interest and Instructor Effectiveness on Student Performance. *Education Masters*, 243.
- Schunk, Pintrich, Meece. (2012). Motivasi dalam Pendidikan - Teori, Penelitian, dan Aplikasi, (3rd ed). Terjemahan. Penerbit Index.
- Siti Nazurana, K., Fadzilah, A. R., & Samsilah, R. (2019). Meneroka Sikap dan Motivasi Murid Rendah Pencapaian Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes di FELDA. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 5(1), 1–9.
- Slameto. (2010). Belajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya. Rineka Cipta.
- Suzila, Z. (2012). Sikap Dan Minat Pelajar Terhadap Matematik Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia.
- Syaza Mohd Sabri, Sharini Che Ishak & Asmawati Suhid. (2014). *Kajian minat dan motivasi murid terhadap pengajaran Pendidikan Islam*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan.
- Syaza, M. S., Sharini, C. I., & Asmawati, S. (2014). Minat & Motivasi Murid Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDEC 2014)*, 471–477.
- Tobias, S. (1994). Interest, prior knowledge, and learning. *Review of Educational Research*, 64(1), 37–54. <https://doi.org/10.2307/1170745>.

- Ulrich Schiefele. (1991). Interest, Learning, and Motivation. *Educational Psychologist*, 26, 3-4, 299-323. <https://doi.org/10.1080/00461520.1991.9653136>
- Walkington, C. A. (2013). Using Adaptive Learning Technologies to Personalize Instruction to Student Interests: The Impact of Relevant Contexts on Performance and Learning Outcomes. *Journal of Educational Psychology*, 105(4), 932–945. <https://doi.org/10.1037/a0031882>
- Wan Hanim, N. & Azuanafzah M. (2017). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Matematik Di FPTV UTHM. Universiti Tun Hussien Onn.
- Wan Naliza, W. J., & Siti Mistima, M. (2020). Hubungan antara motivasi dengan pencapaian matematik dalam kalangan murid sekolah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 39(48), 1–10. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol10.1.5.2020>
- Wan Nor Shamimi, W. H. (2006). Hubungan Antara Faktor Program Motivasi, Pengajaran Guru, Pemakanan, Dan Minat Pelajar Dengan Pencapaian Matematik Di Kalangan Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wang, C. K., Liu, W. C., Nie, Y., Chye, Y. L., Lim, B. S., Liem, G. A., Chiu, C. Y. (2017). Latent profile analysis of students' motivation and outcomes in mathematics: an organismic integration theory perspective. *Heliyon*, 3(5), <http://doi:10.1016/j.heliyon.2017.e00308>
- Wang, J. H. Y. & Guthrie, J. T. (2004). Modeling the Effects of Intrinsic Motivation, Extrinsic Motivation, Amount of Reading, and Past Reading Achievement on Text Comprehension between U.S. And Chinese Students. *Reading research quarterly* 39(2), 162-186.
- Wigfield, A., Gladstone, J. R., & Turci, L. (2016). Beyond Cognition: Reading Motivation and Reading Comprehension. *Child Development Perspectives*, 10(3), 190–195. <https://doi:10.1111/cdep.12184>
- Woolfolk, A. (1998). Educational psychology (7th ed.). Boston.
- Woolfolk A.E.(2006). *Educational Psychology* (9th ed.). Allyn & Bacon.
- Zainuddin, Z., & Perera, C. J. (2017). Exploring Students' Competence, Autonomy and Relatedness in the Flipped Classroom Pedagogical Model. *Journal of*

Further and Higher Education, 1–12.
<https://doi.org/10.1080/0309877X.2017.1356916>